

# **NILAI PERPADUAN DALAM KENEGARAAN MALAYSIA: MENCARI TITIK PERSAMAAN DARI KEPELBAGAIAN KOMUNITI PASCA MODENISME**

Mejar (B) Haji Mior Ahmad Noor Mior Hamzah

&

Rashidah Mamat

Unit Kenegaraan Malaysia

Jabatan Pengajian Umum

Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan

Universiti Utara Malaysia

## **ABSTRAK**

Sejarah telah membuktikan bahawa tidak banyak negara di dunia hari ini yang bersifat seragam iaitu mempunyai SATU dalam serba-serbinya: bangsa, bahasa, agama, dan budaya. Dunia Melayu juga tidak terkecuali daripada menghadapi situasi ini. Melalui proses sejarah, kawasan lingkungan kepulauan Melayu yang masyarakatnya dikenali sebagai masyarakat satu bangsa telah bertukar menjadi negara milik bersama pelbagai bangsa setelah tertubuhnya Malaysia. Kertas kerja ini secara asasnya berpaksi pada pengalaman pengajaran dan pembelajaran kursus Kenegaraan Malaysia (KM) di Universiti Utara Malaysia. KM diajar bagi mendedahkan kepada pelajar perihal negara ini yang asalnya milik satu bangsa telah menjadi sebuah negara yang dimiliki bersama oleh banyak kaum. Kaum-kaum ini pula melalui dasar kerajaan (pemerintah) sedang berusaha untuk membentuk sebuah masyarakat yang mempunyai satu rupa bangsa atau lebih dikenali sebagai **bangsa Malaysia**. Persoalan yang sering ditanya; sudahkah terbina sebuah **negara bangsa** yang menjadi idaman seluruh rakyat? Jawapan kepada soalan ini menjadi begitu rumit apabila penduduk Malaysia kini mula berdepan bukan sahaja dengan pelbagai masalah sosioekonomi, tetapi juga dengan satu aliran pemikiran baru yang berpengaruh iaitu pascamodenisme yang secara teori mempersoal negara bangsa. Bagi kita di Malaysia, perpaduan dapat dihasilkan melalui proses penyeragaman penduduk yang pelbagai suku kaum kepada satu persamaan yang boleh diterima bersama. Persamaan ini pula dapat diterjemahkan berdasarkan nilai-nilai murni sejagat yang berteraskan nilai murni orang Melayu. Nilai-nilai sejagat yang sepunya ini ada kepada semua bangsa di dunia. Lantaran itu, satu titik persamaan harus dicari dalam komuniti pasca modenisme ini untuk membina sebuah bangsa yang memakai gelar **Bangsa Malaysia**.

## PENGENALAN

Berpaksi pada pengalaman Universiti Utara Malaysia, Kenegaraan Malaysia (KM)<sup>1</sup> diajar bagi mendedahkan kepada pelajar perihal negara ini yang asalnya milik satu bangsa telah menjadi sebuah negara yang dimiliki bersama oleh banyak kaum. Kaum-kaum ini pula melalui dasar kerajaan (pemerintah) sedang berusaha untuk membentuk sebuah masyarakat yang mempunyai satu rupa bangsa atau lebih dikenali sebagai **bangsa Malaysia**. Proses pengajaran dan pembelajaran kursus ini melibatkan penggunaan “*sejarah*” sebagai bahan kajian. Dengan ini semua peristiwa, kejadian, perkara, dasar, peraturan dan yang berkaitan dengan masa lalu menjadi bahan kajian, rujukan, penelitian, panduan serta iktibar kepada masyarakat hari ini.

Sejarah telah membuktikan bahawa tidak banyak negara di dunia hari ini yang bersifat seragam iaitu mempunyai SATU dalam serba-serbinya: bangsa, bahasa, agama, dan budaya. Jika menoleh keluar dari Malaysia ke China atau India misalnya, walaupun pada pandangan kasar mereka itu satu iaitu China atau India, namun jika diteliti dari sudut suku kaum sahaja sudah berbeza dan pelbagai<sup>2</sup>. Apatah lagi dialek (loghat) bahasa bahkan agama dan budaya juga pelbagai. Demikian halnya di negara ini. Melalui proses sejarah, kawasan lingkungan kepulauan Melayu yang masyarakatnya dikenali sebagai masyarakat satu bangsa telah bertukar menjadi negara milik bersama pelbagai bangsa setelah tertubuhnya Malaysia. Persoalan yang sering ditanya; sudahkah terbina sebuah **negara bangsa** yang menjadi idaman seluruh rakyat?

Jawapan kepada soalan ini menjadi begitu rumit apabila penduduk Malaysia kini mula berdepan bukan sahaja dengan pelbagai masalah sosioekonomi, tetapi juga dengan satu aliran pemikiran baru yang berpengaruh iaitu pascamodenisme yang secara teori mempersoal negara bangsa<sup>3</sup>. Lantaran itu, satu titik persamaan harus dicari dalam komuniti pasca modenisme ini untuk membina sebuah bangsa yang memakai gelar **Bangsa Malaysia**. Pengajaran dan pembelajaran kursus KM ini menghurai dan memperjelaskan perkara tersebut.

## KANDUNGAN KURSUS SECARA UMUM

Secara umumnya, Kursus KM memperkenal serta mendedahkan pelajar terhadap kepentingan memahami dan menghayati suasana kehidupan sekarang bagi meneruskan apa yang telah dicapai oleh generasi sebelumnya serta memperbaiki apa yang kurang untuk generasi akan datang. Kefahaman perihal suasana hari ini hanya dapat dihayati setelah intipati “*sejarah*” itu difahami sebagai satu daripada cabang-cabang ilmu bukannya sekadar dimengertikan secara umum sebagai peristiwa lampau semata-mata. KM juga diteruskan dengan satu gambaran mengenai nilai-nilai murni Masyarakat Melayu Tradisi (MMT) yang masih kekal walaupun negara ini pernah terjajah lebih daripada 400 tahun<sup>4</sup>. Kesan daripada penjajahan, bangkitlah semangat kebangsaan di kalangan rakyat untuk mempertuarkan kembali diri sendiri di tanah air tercinta. Pada masa yang sama satu halangan baru kepada proses kemerdekaan terjadi akibat tindakan Parti Komunis Malaya (PKM) yang mahukan kemerdekaan dengan cara tersendiri.

Setelah merdeka, beberapa wilayah baru berjaya dicantumkan dengan Persekutuan Tanah Melayu yang akhirnya membentuk sebuah negara yang dikenali dengan nama Malaysia. Diakhir pengajian, didedahkan kepada pelajar tentang Perlembagaan negara yang menjadi teras pemerintahan dan pentadbiran. Turut dibincangkan berkenaan dasar-dasar kerajaan yang telah membentuk rupa rakyat dan negara ini seperti yang ada sekarang.

Sebagai penutupnya, persoalan tentang jati diri sebagai rakyat Malaysia diketengahkan. Cukupkah apa yang ada?, sejauhmana faham dan cintanya rakyat Malaysia terhadap perlakuan dan pengorbanan datuk-nenek sebelum ini? dan apakah sumbangan seterusnya warganegara kepada pengisian terhadap sebuah negara merdeka atau lebih tepat lagi setinggi mana semangat patriotismenya? Secara kesimpulan kepada kerangka di atas mendedahkan bahawa pengajian ini memberi gambaran tentang masyarakat Malaysia dalam skop sejarah, politik, ekonomi dan sosio-budayanya. Ia merangkumi segala aspek kehidupan masyarakat dari dahulu sampai kini. Semua ini bertujuan supaya warganegara yang telah terdidik ini dapat memahami, mengerti, menghayati dan menjadikan panduan serta iktibar terhadap apa yang pernah berlaku bagi melahirkan satu generasi warganegara yang cinta dan setia kepada **negara dan bangsanya**<sup>5</sup>.

KM diperkenalkan di UUM bagi membolehkan semua pelajarnya mengikuti tanpa pilihan, lebih-lebih lagi tanpa prejudis. Di peringkat sekolah telah di asingkan pengajian agama Islam dan pendidikan moral. Sebaliknya KM menggabungkan kedua-dua pengajian itu melalui pendekatan kemasyarakatan (sains sosial) berhubung negara Malaysia. Semua pelajar dapat menilainya melalui satu kefahaman bersama dari satu sumber yang sama: kuliah, tutorial, perbincangan, bahan bacaan, rujukan, kerja kursus dan juga peperiksaan. Matlamat luhur daripada pengajian ini untuk membentuk perpaduan rakyat atau lebih serasi dengan frasa perpaduan di kalangan komuniti pasca modenisme dalam sebuah negara bangsanya: **Malaysia**.

## KOMUNITI PASCAMODENISME

Secara analitis, persoalan pascamodenisme boleh dimengerti dengan melihatnya sebagai terdiri daripada tiga kompenan yang saling berkait iaitu secara sejarah yang merujuk kepada satu zaman baru yang lahir daripada zaman moden. Ia juga dilihat sebagai perkembangan budaya; satu produk budaya dan gaya hidup baru. Manakala kompenan yang kedua dan ketiga iaitu sebagai cara pemikiran dan penteorian merupakan satu cara pemikiran dan penteorian baru tentang kehidupan manusia dan masyarakat hari ini dan akan datang yang mencabar cara pemikiran dan penteorian ilmu sosial selama ini. Pascamodenisme memberikan satu perspektif lain tentang masyarakat manusia, satu perspektif yang berlainan dan berlawanan dengan perspektif modenisme yang mendominasi sekian lama.

Pascamodenisme menolak teori sosial moden yang mendefinisikan negara sebagai satu entiti yang berada di atas individu dan kelompok serta mempunyai kuasa mengekang konflik atau menyederhanakannya atau mengenakan isbat demi menjamin kewujudan dan

kelangsungan orde, kebebasan dan keselamatan individu dalam wilayah kedaulatan geopolitiknya<sup>6</sup>. Yang benar bagi pascamodenisme ialah humanisme iaitu pengakuan ke atas hak individu untuk memilih identiti sendiri sebagai keuniversalan yang satu-satunya menjadikan tanggungjawab pemilihan itu hak individu. Identiti yang diberikan melalui perundangan oleh negara dan juga identiti *tribal* yang diberikan oleh bangsa dianggap sebagai sesuatu yang bersifat askripsi dan mundur kebelakang.

Pemikiran pascamodenisme sudah mula menular ke dalam masyarakat atau komuniti di Malaysia ini sendiri. Penyebaran ini lebih rancak dengan perkembangan proses globalisasi yang mencetus satu zaman baru, satu budaya dan gaya hidup baru. Justeru itu, kita tidak boleh bersikap menutup mata atau menolaknya begitu sahaja tanpa membuat penelitian kritis tentang perkembangan ini yang ternyata mampu menggugat keharmonian dan ikatan perpaduan yang sedia ada.

## **KEPENTINGAN PERPADUAN**

KM banyak mendedahkan para pelajar berhubung gambaran tentang masyarakat di negara ini. Daripada catatan sejarah, negara ini telah didiami oleh masyarakat yang dikenali sebagai rumpun bangsa Melayu sejak tahun Sebelum Masihi lagi. Masyarakat ini berkembang membentuk suku-suku (sub-etnik) mengikut petempatan mereka di kepulauan Melayu ini. Melalui perkembangan tamadun, lahirlah beberapa buah kerajaan bagi menyatukan petempatan-petempatan tersebut. Antara yang termasyhur ialah Kerajaan/Kesultanan Melayu Melaka (KMM). Melaka berkembang menjadi sebuah empayar dan membina sebuah tamadun Melayu yang unggul dan sebahagian besar daripada nilai-nilai kehidupannya masih kekal sampai kini<sup>7</sup>.

Sebagai sebuah empayar yang telah mencipta tamadun, Melaka menjadi kunjungan dan tumpuan pelbagai bangsa yang datang berdagang dan juga belajar pelbagai ilmu. Kekuatan yang ada pada Melaka semasa itu ialah sistem pemerintahan, sifat dan nilai murni Melayu serta kemuliaan (kesejagatian) agama Islam yang menjadi pegangan dan anutan orang Melayu. Kemampuan orang Melayu berhubung dan berurusan dengan pelbagai bangsa yang ada di Melaka menjadikan semua pihak dapat hidup aman damai di mana-mana sahaja di bumi Melayu ini. Namun kegemilangan dan keharmornian itu tidak kekal untuk selama-lamanya - Melaka tewas di tangan penjajah Portugis. Seterusnya berkembang pula Kerajaan-Kerajaan Melayu lain. Meskipun tidak segagah Melaka, kerajaan-kerajaan ini telah berupaya meneruskan kegemilangan Melaka di tempat asal mereka dan juga persada antarabangsa. Namun kedatangan penjajah secara berterusan dan besar-besaran akhirnya satu demi satu wilayah sama ada di sebelah utara, timur, barat dan selatannya jatuh. Kuasa penjajah yang diterokai oleh Portugis, diikuti oleh Belanda dan Sepanyol serta Inggeris (British) telah mengubah segala-galanya yang ada di sini.

Kepulauan Melayu menjadi pelbagai. Jika tidak kepada bangsa, kepelbaagaian berlaku kepada agama dan budayanya. Lebih rencam lagi bagi kawasan yang dikenali sebagai Tanah Melayu yang kemudiannya membentuk Malaysia. Negara ini telah mempunyai masyarakat yang hampir seimbang jumlahnya antara penduduk asal dengan kaum pendatang akibat daripada penjajahan terutama pada zaman penjajahan British. Mereka telah membawa ramai pendatang ke sini terutama dari India dan China bagi kepentingan ekonomi dan politik mereka. Kehadiran secara beramai ramai kaum pendatang ini menyebabkan penduduk tempatan telah terpinggir. Lebih-lebih lagi kuasa politik dan ekonomi telah jatuh ke tangan British. Keadaan kehidupan yang berasingan selama hampir 150 tahun menjadikan masyarakat terpisah-pisah dari segi petempatan, pekerjaan, kehidupan sosial dan sebagainya. Jika ada pertembungan, hanyalah dalam urusan jual-beli. Itupun tidak melibatkan keseluruhan masyarakat. Pepecahan dan keterpisahan ini menjadi lebih jelas dengan dasar “telunjuk lurus, kelinking berkait” yang lebih dikenali sebagai **pecah dan perintah penjajah**<sup>8</sup>.

Keadaan terpisah ini dilebarkan lagi oleh sikap penjajahan Jepun yang menindas kaum Cina dan memberi sedikit ruang kepada orang Melayu. Kesan pertamanya berlaku Peristiwa 14 Hari pada Zaman Kekosongan. Ini diikuti pula oleh Peristiwa Darurat yang telah membawa peristilahan “Cina itu Komunis dan Komunis itu Cina”. Semua ini melebarkan lagi jurang perhubungan antara kaum yang ada. Apabila negara ini berusaha untuk mencapai kemerdekaan, keadaan masyarakat yang sedemikian rupa cuba disatukan. Penyatuan ini lebih kepada untuk memenuhi syarat yang ditetapkan oleh British bagi mencapai kemerdekaan: ketiga-tiga rakyat terbesar di sini mestilah menunjukkan kesatuan sesama mereka.

Setelah terpisah sedemikian lama dan dihantui pula oleh peristiwa-peristiwa negeri di atas, amatlah sukar untuk masyarakat ini bersatu padu. Namun itu bukanlah sesuatu yang mustahil atau penghalang besar kepada penyatuan. Lebih-lebih lagi bagi sesetengah tempat seperti di Pantai Timur Semenanjung dan di beberapa kawasan di Kedah, Perak dan Johor yang penduduk Cinanya tidak ramai, keharmonian kaum tetap wujud sejak sekian lama. Masyarakat Cina di sini hidup bersama dan mengamalkan kehidupan seperti orang Melayu setempat kecuali dari segi agama dan kepercayaan. Semua ini menjadi pemangkin kepada penyatuan dan perpaduan yang menjadi pra-syarat, keperluan dan agenda dalam pembentukan sebuah negara bangsa.

Penyatuan dan perpaduan ini lebih diperlukan lagi apabila Malaysia ditubuhkan setelah bergabung dengan wilayah Borneo yang jauh terpisah oleh Laut China Selatan Meskipun seluruh penduduk peribumi (Bumiputera) di Sabah dan Sarawak berasal daripada rumpun Melayu, tetapi sebahagian daripada mereka ini telah terpisah kerana perbezaan agama dan juga kerana pengaruh penjajah yang telah memesongkan mereka daripada ikatan rumpun Melayu. Walau bagaimanapun, disebabkan sifat Melayu itu murni, ibarat kata pepatah, “bila biduk berlalu, kiambang bertaut kembali” dapat disaksikan hari ini negara bangsa Malaysia bukan sahaja berusaha menyatu-padukan antara kaum, malahan antara wilayah.

Perpaduan menjadi idaman negara bangsa Malaysia kerana mahu meneruskan kembali suasana yang pernah wujud pada zaman kegemilangan KMM. Terbukti daripada catatan sejarah, salah satu kekuatan yang menjulangkkan nama KMM ialah perpaduan penduduknya samada penduduk tetap maupun pihak yang mendatang. Oleh yang demikian, Malaysia yang mahu mengulangi kembali sejarah silam yang diukir oleh KMM dan Kerajaan-kerajaan Melayu lain selepasnya, wajib menjadikan perpaduan sebagai falsafah dan agenda negara<sup>9</sup>. Bagi Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang berfungsi sebagai pembentuk generasi berilmu kini atau pasca modenisme ini adalah bertanggung jawab mengadun resepi perpaduan masyarakat melalui nilai keilmuan yang ilmiah bukan yang berbentuk emosi atau rekaan, jauh sekali untuk tujuan retorik semata-mata.

## KONSEP PERPADUAN

Sebelum pergi lebih jauh, diperlihatkan dahulu maksud **perpaduan**. Kata akarnya dari perkataan padu<sup>10</sup> membawa maksud mampat, padat, pejal, tumpat. Keempat-empat perkataan ini menggambarkan satu keadaan yang mana tidak ada ruang-ruang kosong bagi ditembusi oleh sesuatu, hatta oleh udara (angin) sekalipun. Kita ambil contoh mampat. Dalam kaedah sains, satu-satu ruang yang apabila ia sudah mampat, tidak ada bahan (molekul) lain boleh memasuki ruang itu. Begitu juga dengan padat. Istilah ini biasanya dikhaskan kepada jumlah manusia yang ramai mengisi sesuatu tempat atau ruang. Ini bermakna kawasan ini sudah tidak ada ruang lagi untuk dimasuki. Pejal pula lebih tertumpu pada daging samada pada daging binatang maupun manusia. Daging-daging yang pejal ini tidak mempunyai urat atau lemak-lemak yang boleh mencacatkan mutunya.

Akhirnya kita lihat kepada tumpat. Ia lazimnya diguna pakai kepada pokok buluh. Menjadi kebiasaan bagi pokok buluh mempunyai lubang antara ruas-ruasnya. Jika buluh itu tumpat, bermakna ia tidak mempunyai lubang diantara ruas-ruas tersebut. Dengan memahami maksud di atas, akan lebih mudah memahami maksud perpaduan itu. Ia membawa pengertian penggabungan menjadi satu, kesefahaman, sepakat, sebatи, bersama, bekerjasama atau bersepada bagi kepentingan semua. Perpaduan tidak mungkin wujud dengan sendirinya. Ia harus melalui satu proses untuk menjayakannya. Bagaimanapun proses ini memerlukan satu mekanisme atau alat bagi menentukan pencapaiannya.

Selain daripada memahami perpaduan dari segi maknanya secara literal, harus juga difahami kandungan perpaduan itu dari sudut spiritual dan fizikalnya (rohani dan jasmani). Pemahaman terhadap kedua-dua aspek ini akan memudahkan perlaksanaannya. Memahami spiritual bererti mengetahui tentang nilai, kepercayaan, pegangan, amalan, cara hidup atau agama. Begitu juga dengan pengetahuan tentang fizikal kita dapat membuat sektorial dari segi perbezaan geografinya; desa-kota, kaya-miskin, maju-mundur, bukit-lembah, pedalaman-pantai, Semenanjung, Sabah/Sarawak. Kefahaman tentang elemen-elemen ini dapat membantu dalam menentukan pencapaian terhadap perpaduan yang dihajati (setelah mengenali akal-budi dan sektoril yang memisahkan).

Bagi kita di Malaysia, perpaduan dapat dihasilkan melalui proses penyeragaman penduduk yang pelbagai suku kaum kepada satu persamaan yang boleh diterima bersama. Persamaan ini pula dapat diterjemahkan berdasarkan nilai-nilai murni sejagat yang berteraskan nilai murni orang Melayu. Nilai-nilai sejagat yang sepunya ini ada kepada semua bangsa di dunia. Jadi ia bukanlah sesuatu yang asing bagi setiap suku kaum yang ada di negara ini lebih-lebih lagi bagi mereka yang lahir di sini. Tambahan pula sebilangan besar daripada mereka telah berada di sini tidak kurang daripada 200 tahun. Di antara satu sama lain akan ada persamaan yang boleh membawa kepada babit-babit perpaduan. Misalnya nilai-nilai baik dan buruk, sistem kepercayaan dan keagamaan, sistem kekeluargaan, peraturan dan undang-undang (adat-resam), sistem pentadbiran dan pemerintahan serta pelbagai lagi yang bersifat sejagat (universal) yang dapat diterima umum. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran KM ini, penekanan diberikan kepada asas-asas perpaduan dan faktor yang dapat mewujud serta mengekalkannya. Turut ditegaskan tentang kepentingan falsafah negara iaitu **Rukunegara** yang menjadi pegangan asas kepada perpaduan itu<sup>11</sup>.

## ASAS-ASAS PERPADUAN

Secara Islamiknya ataupun dalam kehidupan sejagat, tidak kurang daripada empat perkara boleh dijadikan asas kepada perpaduan:

Saling mengenal

Sentiasa berbaik sangka

“Tiada paksaan dalam Islam”

Sikap bersama: menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkarana<sup>12</sup>.

### *Saling Mengenal*

Terdapat empat rumpun bangsa terbesar di negara ini: Melayu, Cina, India dan Pribumi di Sabah/Sarawak. Terdapat pula perbezaan geografi dari segi petempatan: Semenanjung, Sabah/Sarawak, Pantai Timur dan Barat, desa-kota, tepi pantai, pendalam, hulu-hilir sungai, lembah-tanah tinggi. Juga terdapat pelbagai jenis tempat tinggal seperti rumah murah, rumah flat, pangsa, teres, berkembar, banglo, pangsapuri dan lain-lainnya. Turut berbeza dari segi pendidikan, pekerjaan, pendapatan (ekonomi), cara dan gaya hidup, sosio-budaya, kepercayaan dan agama. Fahaman politik yang berlainan pula boleh membawa jurang pemisahan. Pendek kata seribu satu macam perbezaan sekiranya setiap satu di atas di perincikan. Daripada kelompok bangsa Melayu boleh dipecahkan lagi kepada suku kaumnya, agama, tempat tinggal, pendidikan dan bermacam lagi.

Perbezaan dan pemisahan di atas tidak seharusnya menjadi penghalang kepada kewujudan perpaduan. Jika pada zaman sebelum merdeka, setiap kaum mempunyai cita-cita dan matlamat yang berbeza-beza, namun ini bukanlah satu yang menghairankan

kerana masing-masing ada matlamat dan perjuangan tersendiri dalam hidup mereka. Hari ini perkara sebegitu tidak seharusnya wujud lagi kerana negara telahpun merdeka. Semua penduduk termasuk Cina dan India telah menjadi warganegara yang sah<sup>13</sup>. Ketaatan dan kesetiaan semestinya tertumpah kepada bumi bertuah ini. Seluruh rakyat harus bertekad untuk membangunkan negara bagi mengisi erti kemerdekaan. Justeru itu tidak timbul lagi soal negara ini milik orang Melayu dan orang lain hanya penumpang atau warga kelas dua. Oleh hal yang demikian, jika kita boleh sama-sama tinggal di sini dan merasakan kesepunyaannya terhadap negara, apakah halangannya untuk kita saling mengenal? Rugikah kita jika dikenali oleh orang lain? Atau akan hilangkah identiti jika orang lain lebih mengetahui tentang diri kita daripada diri kita sendiri?

Jika jawapannya **TIDAK**, kenapa kita masih ragu-ragu mahu mengenali antara satu sama lain setelah hampir 50 tahun merdeka? Pada hari ini semua penduduk yang lahir pada tahun merdeka telahpun mempunyai anak (anak-anak) yang sedang menuntut sama ada di Menengah Atas, peringkat Diploma ataupun meneruskan pengajian di IPT. Mereka telah membentuk satu generasi baru yang diwariskan apa yang telah ditinggalkan oleh generasi sebelum. Persoalannya setelah berupaya melahirkan satu generasi, apakah masih terdapat kesukaran dalam mengenali dan memahami antara satu sama lain? Lebih-lebih lagi setelah bersekolah di organisasi yang sama, berkomunikasi dalam bahasa yang sama, belajar melalui sukanan mata pelajaran yang sama, tinggal di kawasan petempatan yang sama, beriadah dan berhibur di tempat yang sama, bermain di padang dengan jiran yang sama, membeli belah atau berjual beli di gedung perniagaan yang sama, sama-sama bergotong royong untuk kepentingan yang sama, sama-sama menyambut hari perayaan negara, pembesar atau agama dan pernah pula berlaku “**kongsi raya**”<sup>14</sup>, saling berkunjung apabila ada majlis kenduri, kematian dan sebagainya. Maka, masih tidak cukupkah lagi ruang-ruang untuk saling mengenal dan memahami?

Sebagai satu pertanyaan, apakah kerana si Mior itu dilahirkan Melayu, beragama Islam dan pergi ke surau atau masjid bagi ibadahnya dan si Chong atau Muthu mahupun David itu Cina, India dan Eropah yang tidak beragama Islam dan melakukan ibadah mereka di tempat lain menjadi batu penghalang kepada saling mengenal? Sedangkan banyak perkara di atas yang mereka itu dapat lakukan bersama. Hari ini ditokok tambah lagi dengan semua penduduk dapat menikmati makanan yang sama. Roti canai, capati, nan, tanduri, gulai kari, tose, maruku, papedum dan bermacam lagi nama makanan bukan lagi milik mutlak masyarakat berketurunan India. Begitu juga dengan bubur moi, kek bulan, yong tao fu, masakan mee atau mee-hoon Hong Kong, Hailam dan sebagainya tidak lagi menjadi kegemaran orang-orang Cina sahaja. Apa kurangnya dengan nasi lemak daun pisang atau dalam tong kayu, kueh bangkit dan baulu, gulai masak lemak, gulai tempoyak, sambal kelapa, budu dan cencaluk telah menjadi makanan semua kaum yang ada di sini. Tidak terkecuali dengan aspek hiburan. Cerita Hindustan/Tamil dan Kongfu turut menjadi minat orang Melayu. Demikianlah halnya dengan filem lakonan Allahyarham Tan Sri P. Ramli menjadi kesukaan semua kaum.

Berdasarkan apa yang diketengahkan tadi, kita dapati rakyat Malaysia hanya tidak bersama pada waktu sembahyang dan lain-lain upacara khas keagamaan, makan pada makanan atau minuman tertentu dan juga aktiviti kekeluargaan dalam rumah. Namun begitu yang menjadi penghalang kuatnya ialah sikap suka melihat perkara kecil (remeh-temeh) sebagai sesuatu yang besar dan menjadi penghalang utama. Misalnya tentang masalah beragama sama ada Islam, Buddha, Hindu atau Kristian yang di perbesar-besarkan. Sering dimomok-momokkan “Dia itu Islam, kita tidak boleh berkawan dengannya atau sebaliknya”. Kenapa tidak melihat disebalik konsep dan nilai beragama itu yang mengajar penganutnya saling berbaik-baik, hormat menghormati, saling bertolak ansur malahan menggalakkan saling mengenali dan memahami.

Begitu juga dengan persoalan warna kulit. Sedangkan warna kulit rakyat Malaysia hampir sama sahaja: sawo matang, kuning langsat, putih, hitam-kelabu ada pada semua kaum. Namun kerana namanya Mior, tidak makan daging babi dan tidak minum beer, dianggap sebagai berfikiran kolot dan tidak boleh dibuat kawan. Hal yang demikian tidak berlaku pula semasa aktiviti yang kebanyakannya boleh dilakukan bersama seperti di sekolah, tempat bekerja, tempat riadah, hiburan dan sukan, dalam pengangkutan awam, membeli belah dan sebagainya. Malahan boleh juga berkawan hatta di tempat makan dan minum. Adalah mustahil bagi orang Cina dan lain-lainnya bagi setiap kali makan mesti makan berlaukan daging babi dan minum dengan beer walaupun ketika makan nasi!. Jadi, sudah pastilah semua rakyat Malaysia boleh berada dalam suasana bersama-sama di mana jua mereka berada. Sesungguhnya apabila mereka tidak boleh bersama pada masa-masa tertentu kerana halangan agama dan budaya, itu bukanlah menjadi penyebab atau penghalang untuk tidak bersama kembali.

Persoalan daripada perbincangan di atas ialah sikap rakyat yang tidak mahu bersama dan seterusnya tidak mahu mengenali bangsa lain. Kemudiannya membuat tuduhan atau membuat tanggapan yang negatif pula terhadap pihak lain<sup>15</sup>. Masyarakat Melayu misalnya, melihat apa yang dilarang oleh agama Islam tetapi diamalkan oleh orang bukan Islam dijadikan sebagai batu penghalang kepada mereka untuk mendekati masyarakat tersebut. Perkara yang haramkan oleh Islam itu yang mahu diperbesarkan dan orang bukan Islam dihalang pula daripada melakukan atau menggunakan. Inilah yang menyebabkan tidak wujudnya titik pertemuan. Sedangkan sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, banyak perkara yang boleh menjadi penyatu, sekiranya saling mahu mengenali. Demikian juga dengan orang bukan Melayu dan bukan Islam. Setelah memahami bahawa orang Melayu dan Islam tidak boleh makan daging babi atau minum beer akan lebih memudahkan lagi untuk membuat perhubungan dan menimbulkan rasa kesefahaman. Jika misalnya orang Melayu berkunjung ke rumah mereka, tidak perlulah dihidangkan jamuan yang mengandungi bahan tersebut. Bukankah ini akan lebih memudah daripada menyusahkan. Begitu juga dengan orang Melayu, jika mahu berkunjung ke rumah jiran berketurunan India misalnya, janganlah datang pada petang hari Jumaat. Ini kerana ramai daripada mereka akan bersembahyang di kuil. Amalan-amalan melalui pengetahuan dan kefahaman ini akan lebih mendekatkan lagi hubungan sesama warganegara.

Adalah ditekankan bahawa saling mengenali akan membawa lebih banyak manfaatnya. Ia dapat memupuk semangat kejiranan, kemasyarakatan dan mempereratkan kerakyatan sesama penduduk di Malaysia. Kenal mengenal akan membawa kebaikan peribadi serta menguntungkan semua pihak. Secara globalnya antara satu kaum itu tidak lagi berpandangan negatif mahupun sinis. Manakala secara individu, si Melayu tidak akan melihat si Cina itu secara Cinanya iaitu “**secara pukul borong**” sebaliknya melihat dalam bentuk positif atau baik. Inilah yang dapat kita lihat dalam banyak peristiwa seperti kemalangan jalan raya; tidak kira siapa yang terlibat, ramai tangan-tangan yang mahu menghulurkan bantuan. Jarang sekali ditanya “lu sapa?, Cina ke Melayu? atau, teman tak nak tolong, kot-kot dia bukan Melayu?”<sup>16</sup>.

Sebagai kesimpulan daripada perbincangan di atas dapat diringkaskan sebagaimana maksud kata perumpamaan Melayu berikut: *tak kenal, maka tak cinta*. Begitu juga dengan maksud ayat Al-Quran ini yang berbunyi; *hai manusia, sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal.*<sup>17</sup> Inilah yang telah menjadikan pegangan positif orang Melayu beragama Islam untuk menerima siapa sahaja yang datang ke negara ini sejak zaman berzaman. Masyarakat Melayu telah menjadikan negara ini sebagai tanah air untuk kita semua. Tidak banyak terdapat keadaan sedemikian di seluruh pelusuk dunia, hatta di Amerika Syarikat sendiri yang menjadi pejuang demokrasi dan hak asasi manusia. Orang kulit hitam atau berwarna, hanya mendapat tempat sekiranya memberi nama kepada negara. Jika tidak, mereka dianggap sebagai rakyat kelas dua ataupun sebagai pihak yang sering mendatangkan masalah. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab semua untuk mengaplikasikan secara menyeluruh segala peluang, ruang dan kebaikan yang ada di negara ini.

### **Sentiasa Berbaik Sangka**

Perkara ini mudah dikata daripada mengotakannya. Namun jika sudah mengenali dan memahami antara satu sama lain, adalah tidak mustahil untuk menyemai sifat dan perasaan berbaik sangka. Ia bermula dengan pemikiran. Dengan berfikiran positif, sifat baik sangka akan menjelma dengan sendirinya. Sifat ini akan menghalang daripada berprasangka buruk atau bersifat negatif. Dengan mengambil contoh yang paling ketara iaitu khabar angin (berita yang belum disahkan) bahawa telah berkumandang “satu peristiwa rusuhan kaum di kawasan X. Ramai penduduk yang terbunuhan dan tercedera di kedua pihak”<sup>18</sup>. Apakah si pendengar berita itu akan melatah dan melenting. Jika beliau seorang yang bernama Mior, apakah akan mencari Chong dan terus memukul atau membunuhnya?. Ataupun mengumpulkan orang-orang yang sekulit dengannya dan membuat pula huru hara di kawasan yang dianggapkan menjadi musuh kepada orang yang sekulit dengannya di kawasan X?. Ataupun lain-lain tindakan negatif.?

Jika inilah tindakan dan caranya, adalah sia-sia bagi Mior itu menjadi manusia. Di mana letaknya kewarasan akal dan juga rasa kemanusiaan. Sebagai seorang yang ada sifat baik sangka dan lebih-lebih lagi telah saling mengenali, tentu tindakannya tidak terburu-buru. Sekurang-kurangnya akan terfikir untuk bertanya pada diri sendiri, betulkah berita itu? Apakah mungkin berlaku peristiwa itu sedangkan setahunya masyarakat di situ hidup dalam rukun damai. Apakah ini satu provokasi untuk mengusik suasana damai yang ada di tempat tersebut? Jika terdapat rasa ragu-ragu, cuba buat semakan misalnya dengan saudara-mara, kawan atau kenalan di tempat kejadian. Ataupun setidak-tidaknya menunggu dahulu berita rasmi daripada kerajaan akan kesahihan berita tersebut.

Seandainya berita itu palsu, sudah tentu kejadian yang tidak diingini dapat dielakkan dari berlaku. Dengan kata lain, perkiraan sedemikian akan menyelamatkan daripada tercetusnya malapetaka. Dalam konteks perpaduan yang sedang dibincangkan, sifat berbaik sangka berupaya menjauahkan sebarang rusuhan yang mungkin berlaku antara satu-satu kaum. Tambahan pula suasana saling mengenali akan memudahkan untuk memahami antara satu sama lain. Secara langsung atau tidak, sifak berbaik sangka membolehkan semua pihak bertindak secara rasional dan mengikut peraturan. Tindakan sedemikian juga dapat mengelak daripada terperangkap dengan adu domba ataupun fitnah daripada pihak yang tidak senang dengan semangat perpaduan di kalangan masyarakat. Satu perkara lagi yang harus difahami daripada sifat dan sikap berbaik sangka ini ialah ia membolehkan seseorang itu mendapat ramai (bertambah) kawan ataupun mudah diterima oleh orang lain. Ini kerana ia tidak bersifat “batu api”, panas baran, memihak, “talam dua muka” dan sebagainya yang menimbulkan kebencian masyarakat<sup>19</sup>.

Sebagai kesimpulannya, berbaik sangka akan menghindarkan ahli masyarakat dari membuat fitnah dan juga prejudis yang akan memburukkan lagi keadaan. Dengan melihat kepada contoh di atas, jika benar sekalipun peristiwa sedih itu berlaku, sifat orang yang berbaik sangka tidak akan “menuding jari”. Sebaliknya berusaha untuk mencari punca dan juga cara bagi mengatasi kejadian tersebut. Pada masa yang sama mereka akan berusaha untuk mengawal supaya kejadian yang sama tidak akan berulang atau merebak lebih jauh. Masyarakat Melayu yang kaya dengan pepatah-petitihnya sering memberi peringatan, misalnya: *gajah di depan mata tak nampak, kuman di seberang lautan jelas kelihatan; dengar guruh di langit air di tempayan di curahkan; kalau tidak kerana ada-ada, masakan tempua bersarang rendah* dan bermacam-macam lagi yang mempunyai sama ada unsur positif atau negatif. Sekiranya ditinjau dalam konteks Islam, Islam amat menekankan supaya umatnya tidak memfitnah serta perlu membuat semakan terhadap sesuatu berita terlebih dahulu. Lebih-lebih lagi jika berita itu tentang perkara buruk dan datangnya pula daripada orang fasik.

### ***“Tidak Ada Paksaan Dalam Islam”<sup>20</sup>***

Ini adalah satu ungkapan atau istilah. Kefahaman terhadapnya amat dituntut kepada orang Islam mahupun kepada yang bukan Islam. Ini kerana orang Islam pun kadang-kadang

sering keliru ataupun buat-buat tidak faham. Ini merupakan satu penyakit umat Islam hari ini. Mereka gagal memahami untuk diri sendiri dan gagal memberi penjelasan kepada orang bukan Islam. Apa yang lebih mendukacitakan ialah orang Melayu yang mewakili orang Islam di negara ini tidak lagi bersifat dan berperanan sebegitu. Dengan itu istilah murni yang berbunyi *Melayu itu Islam dan Islam itu Melayu* telah tercemar akibat daripada perlakuan sebahagian kecil orang Melayu yang tidak lagi melambangkan hasrat murni di atas. Sedangkan perkara ini telah wujud sejak berzaman dan diiktiraf oleh Perlembagaan negara apabila mentafsirkan siapa itu Melayu.

Kekeliruan di atas yang sering ditafsirkan oleh sebahagian masyarakat Melayu ialah tidak perlu mengamalkan segala ajaran Islam kerana ia tidak bersifat memaksa. Jadi orang Islam bebas untuk berbuat sesuatu yang disuruh ataupun menghindarkan diri daripada sesuatu yang ditegah. Sedangkan pada hakikatnya, kenyataan di atas adalah ditujukan kepada orang bukan Islam yang tinggal dalam kelompok besar masyarakat Islam bahawa mereka tidak dipaksa untuk menganut agama Islam. Mereka boleh membuat pilihan tanpa paksaan samada mahu bersama Islam, menerima Islam sebagai cara hidup atau kekal dengan cara kehidupan mereka dengan menghormati hak Islam yang menjadi amalan sebahagian masyarakat lain. Orang bukan Islam tidak boleh mencemuh atau menghalang orang Islam dari meneruskan amalan mereka dan Orang Islam adalah dilarang daripada menghalang orang bukan Islam meneruskan cara kehidupan mereka<sup>21</sup>.

Kefahaman ini akan membawa satu kemurnian kepada kehidupan bermasyarakat. Penganut agama Islam akan menjadi pencemar kepada kesucian Islam itu apabila sesetengah perlakuan mereka dijadikan perbandingan oleh orang bukan Islam: *saya lihat ramai orang Melayu itu tidak sembahyang dan makan minum dengan selamba sahaja dalam bulan puasa!*, ataupun *saya telah lakukan seperti apa yang orang Melayu lakukan, ramai dari mereka yang kehidupannya seperti kita, saya kira itulah cara Islamnya* dan banyak lagi kata-kata negatif tentang Islam akibat daripada perbuatan yang mencemarkan kesucian Islam oleh sebahagian kecil penganutnya. Kepada masyarakat bukan Islam pula, apabila telah memahami persoalan di atas tidak akan rasa tertekan atau membuat salah tafsiran. Ini kerana mereka tidak perlu khuatir atau mudah ditakut-takutkan dengan sistem atau pemerintahan Islam yang sering digembar-gemburkan apabila tiba masa-masa tertentu.

Dalam konteks negara ini yang bermasyarakat majmuk, orang Melayu yang mewakili orang Islam harus faham tanggungjawab dan perlakuannya sebagai seorang Islam. Tindak tanduk mereka sering dianggap mencerminkan pendirian Islam. Buruk baik perlakuan mereka adalah lambang Islam bagi kacamata orang bukan Islam. Hal yang demikian kerana sukar mahu dipisahkan pada hari ini bahawa Melayu itu adalah satu daripada bangsa-bangsa yang wujud, manakala Islam itu adalah agama universal bagi seluruh bangsa di dunia. Perkara ini mungkin benar bagi peringkat dunia tetapi belum lagi bagi negara ini. Manakala orang bukan Islam pula seboleh-bolehnya mestilah faham terlebih dahulu tentang Islam sebelum membuat sebarang komen, analisa atau kritikan. Sebarang bentuk komen, analisa maupun kritikan ini mestilah dalam kontek Islam itu

sendiri, bukannya untuk kepentingan tertentu yang boleh menimbulkan kekeliruan dan buruk sangka akibat daripada kejahanan yang ada.

Selain itu, orang bukan Islam juga haruslah memahami bahawa segala keburukan yang dilakukan oleh sebahagian kecil masyarakat Melayu itu tidaklah mencerminkan perlakuan Islam secara keseluruhannya. Ia seharusnya mencerminkan perlakuan individu tersebut yang tidak mewakili orang Melayu apatah lagi agama Islam itu sendiri. Amatlah penting untuk difahami bahawa apa yang dilakukannya itu ialah perkara yang salah atau dilarang oleh agama Islam. Oleh itu, perlakuan tersebut bukanlah sesuatu yang baik atau yang dituntut oleh agama Islam berkenaan. Perlulah ditanamkan satu pendirian bahawa *Melayu itu* (orang yang melakukan kesalahan itu) bukanlah seorang penganut agama Islam yang baik dan beliau tidaklah perlu dicontohi.

Ramai lagi orang Melayu yang mengamalkan ajaran Islam dengan sebaik-baiknya yang boleh diteladani. Begitulah juga dengan pemahaman orang Melayu terhadap kaum lain di Malaysia ini jarang dikaitkan dengan agama tertentu kerana mereka mempunyai pelbagai agama. Orang Melayu juga mudah menerima orang lain kecuali agama kerana mereka telah ada agamanya sendiri. Kenyataan ini adalah untuk memberi perlindungan kepada mereka yang bukan beragama Islam apabila berada dalam masyarakat Islam dan meminta jaminan apabila masyarakat Islam lebih dominan. Oleh yang demikian, sekiranya orang lain dapat memahami agama orang Melayu, ikatan persahabatan bahkan tali persaudaraan akan cepat terjalin.

Kesimpulan daripada penjelasan ringkas ini ialah masyarakat Islam dan bukan Islam boleh hidup bersama-sama di mana-mana juga di muka bumi ini. Walaupun terdapat kepelbagaian dalam masyarakat pasca modenisme ini, namun antara satu sama lain ada penyatu dan pemisahnya. Wujud peraturan antara mereka yang boleh menjadi pengikat kepada kehidupan masing-masing yang boleh mendatangkan kerjasama yang erat bagi membentuk perpaduan seperti dihajatkan. Sebagai satu renungan bersama yang masih boleh difikirkan benar-salah atau betul-tidaknya; orang bukan Islam yang minoriti sentiasa selamat ketika berada dalam masyarakat yang majoritinya orang Islam. Bagaimana pula dengan orang Islam yang minoriti semasa berada dalam masyarakat yang majoritinya bukan Islam?

### ***Sikap Bersama: Memperjuangkan Kebenaran, Mencegah Kemungkaran***

Sama ada disedari atau tidak, diperakui ataupun dinafikan, agama Islam itu adalah agama universal yang memperjuangkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Inilah asas agama tersebut. Inilah juga yang menjadi perjuangan kepada seluruh umat manusia di mana juga mereka berada. Bagi rakyat Malaysia, perjuangan sejagat ini adalah keperluan semua. Sekiranya tidak boleh menerima Islam kerana Sembahyang dan lain-lain rukunnya, tetapi tentu sahaja boleh menerima perkara-perkara lain yang mengajak kepada kepentingan bersama-sama iaitu *memperjuangkan kebenaran, mencegah kemungkaran*.

Marilah sama-sama mencari kebenaran dalam kehidupan ini. Kebenaran itu tidak bersifat subjektif. Begitu juga dengan kemungkaran<sup>22</sup>.

Dengan mengambil contoh politik wang misalnya, tidak ada satu bangsapun di dunia atau di negara ini yang membenarkan perkara ini berlaku. Begitu juga dengan ketidakadilan pembahagian kek ekonomi mahupun dalam kerencaman sosial. Semua bangsa mengajar generasinya perkara-perkara kebaikan dan menghalang daripada melakukan perkara keburukan. Adalah difahamkan bahawa pekerjaan melacur itu salah dan terkutuk, tetapi tidak pernah terdengar bahawa pelacur itu mengajar generasinya supaya meneruskan kerjaya mereka atau menyuruh melakukan kerja-kerja terkutuk yang lain. (Kekecualian kepada kumpulan emansipasi wanita pelacur yang mahu menghalalkan pekerjaan mereka. Itupun atas alasan mahu memudahkan urusan pentadbiran sahaja, bukan dalam konteks moral dan akhlak).

Oleh itu, sesungguhnya terlalu banyak ruang bagi rakyat Malaysia untuk dapat hidup bersama. Misalnya di sekolah, tanggungjawab mendidik generasi muda di serahkan kepada guru. Apabila ada aduan dari pihak sekolah yang mendedahkan keburukan dan kelemahan anak-anak, ibu-bapa seharusnya menerima kenyataan dan sama-sama memperbaikinya dengan pihak sekolah. Bukannya mempertahankan anak dan menyalahkan sekolah atau orang lain tidak pandai menjaga anak sehingga menjadikan anak mereka terjebak sama melakukan kesalahan. Lebih berbahaya lagi sekiranya ada ibu-bapa yang tidak percaya bahawa anak-anak mereka telah melakukan kejahatan dengan alasan mereka tidak pernah mengajar anak melakukan kejahatan<sup>23</sup>.

Begitu juga halnya sebagai ahli masyarakat, lazimnya mereka tidak mahu berperanan untuk sama-sama membantu mencegah kemungkaran yang berlaku di depan mata dengan alasan “tidak mahu jaga tepi kain orang lain”, mereka itu bukan darah daging aku, atau selagi kau tak ganggu aku, aku tak akan ambil peduli hal kau dan bermacam lagi sifat negatif. Sebagai anggota masyarakat, setiap orang tentu ada peranan masing-masing. Jika ada pihak mahu menegur keburukan atau memberi nasihat tentang salah laku seseorang, nescaya akan ada pihak lain yang akan memberi nasihat atau teguran yang sama kepada orang lain. Sekiranya semua pihak bersikap prihatin, nescaya tidak akan berlakulah masalah sosial yang boleh membawa kepada timbulnya masalah jenayah yang akan mengakibatkan masalah keselamatan pula. Bukankah ini saling berkait antara satu sama lain? Bolehkah rakyat Malaysia hidup tenteram jika masalah sosial bertambah, kegiatan jenayah berleluasa dan keselamatan kian terancam?. Jika sudah berlaku sedemikian rupa baru hendak terasa kesannya!, Jika inilah yang berlaku, masa sudah terlambat. *Nasi sudah jadi bubur atau dah terantuk baru tengadah* sudah tidak bermakna lagi<sup>24</sup>.

Dalam kontek kehidupan yang lebih luas, perbincangan ini tidak terbatas kepada aspek sosio-budaya semata-mata malah boleh juga dilebarkan kepada aspek politik dan ekonomi. Malaysia mengamalkan prinsip demokrasi. Demokrasi memberi ruang dan peluang kepada rakyat untuk memilih wakil mereka sebagai pemerintah. Sesebuah pemerintahan dalam sistem demokrasi akan kekal berkuasa selagi mandat itu diberi oleh rakyat. Maka, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan menjalankan pemerintahan seadil

mungkin kepada seluruh rakyat, bukan hanya kepada rakyat yang membuat pilihan ataupun kepada parti yang mewakili mereka sahaja. Jika ini berlaku, satu penindasan telah terjadi dan demokrasi tidak pernah membenarkanya.

Dalam membuat pilihan ini, rakyat haruslah diberi peluang untuk membuat penilaian siapakah yang bakal mereka pilih. Untuk itu, sebelum pilihan dapat dibuat, samada kerajaan atau pihak pembangkang harus mendapat tempat yang sama dalam memberi penjelasan, penerangan atau menunjuk keupayaan masing-masing. Mengikut prinsip demokrasi, jika bermain mestilah di padang yang sama rata dan sama tara. Jika bergusti, salah seorang jangan diikat tangannya atau ditutupkan matanya. Prinsip demokrasi juga meletakkan tanggungjawab pemerintah memberikan kemudahan dan menyediakan keperluan kepada rakyat dibawah pemerintahannya. Pendapatan negara perlu diuruskan bagi kepentingan rakyat semua. Mereka yang memerintah perlu membuat agihan secara menyeluruh tanpa penyelewengan<sup>25</sup>.

Adalah menjadi tanggungjawab rakyat pula membuat penilaian terhadap apa yang telah disediakan oleh pemerintah. Rakyat tidak boleh dipaksa menerima kemudahan itu sebagai satu hutang yang perlu dibayar semula atau ditakut-takutkan dengan pelbagai alasan. Ini kerana rakyat tidak pernah menerima secara percuma atau rakyat dinafikan kemampuan berfikirnya. Rakyat dikenakan cukai langsung ataupun tidak langsung dalam kehidupannya sehari-hari. Pemerintah dilantik melalui wakil-wakil kerana rakyat tidak boleh menguruskan semua pemerintahan sendiri sebagai pemerintah. Keadilan dan kebaikan pemerintah akan sentiasa mendapat penilaian rakyat. Adalah menjadi lumrah kehidupan, bahawa kebaikan dibalas dengan kebaikan.

Begitu juga dengan pembahagian kek ekonomi di negara ini. Seluruh penduduk mengharabkan “keadilan” pembahagian itu mengikut taraf mereka. Perbincangan di sini lebih menjurus kepada kemudahan pembangunan hasil ekonomi daripada memperkatakan tentang ekonomi dalam bentuk pendapatan. Ia amat jelas dari segi jurangnya. Jika di ibu negara ada lapangan terbang, bagi penduduk kampung jika mereka pergi ke pekan tempat mereka berjual beli, memadailah dengan sebuah tempat perhentian bas atau teksi yang luas dan selesa daripada bahang terik panas matahari atau tempias semasa hujan. Ataupun tidak sesak menghidu bau asap kenderaan di perhentian tersebut. Tentu mereka tidak mengharapkan perhentian tersebut secantik Subang atau KLIA. Jika mereka pergi ke bandar bagi menziarahi anak-anak mereka yang tinggal di taman perumahan, disinari dengan cahaya lampu jalan, mereka juga mahukan di depan rumah mereka di kampung mendapat kemudahan tersebut meskipun berbayar. Bukannya apabila dibuat permohonan, diberitahu tidak ada lagi skim tersebut pada masa ini. Apa yang mendukacitakan mereka, skim tersebut wujud semula dalam tempoh empat ke lima tahun berselang.

Sebagai contoh seterusnya seluruh masyarakat mengharapkan supaya apa yang ada di Putra Jaya, Bukit Perdana, Bukit Damansara atau Bukit Ukey biarlah juga wujud di mana-mana sahaja di Malaysia ini. Jika tidak sama sekalipun, biarlah setaraf atau sepadan. Rakyat rasa terbeban atau terkilan apabila mereka terpaksa berbaris dan menunggu lori air kerana krisis air, sedangkan ada pihak yang masih boleh bermain atau bermandian di kolam renang yang mempunyai lebihan air<sup>26</sup>.

Nilai-nilai atau asas-asas perpaduan yang diperbincangkan di atas di atas memang universal sifatnya dalam erti kata semua masyarakat dan tamadun, khususnya pada zaman moden kini, memelihara dan menjunjungnya. Kita rakyat Malaysia perlu sama-sama prihatin agar sikap bersama ini dapat dibentuk dan dipraktikkan. Ini amat penting kerana kesejagatan itu merentasi bangsa dan agama. Di negara ini, masalah orang Melayu akan menjadi masalah semua kaum. Kaum lain tidak boleh mengatakan itu masalah orang Melayu. Biar mereka selesaikan dan kita tidak perlu masuk campur. Jika inilah sifat dan sikap masyarakat, ternyata itu merupakan satu tindakan yang tidak tepat. Masalah orang Melayu akan mengheret sama masyarakat lain jika ia berterusan. Sebagai satu perbandingan, kemiskinan orang Melayu akan merugikan sebilangan besar orang Cina yang bermiaga kerana kuasa membeli banyak terletak di tangan orang Melayu yang menjadi majoriti penduduk. Siapa akan membeli jika kuasa membeli mereka lemah. Bagi pengguna, mereka akan mencari alternatif mengikut kuasa membeli mereka. Kepada penjual, jika tidak dapat dijual pasti mereka kerugian. Untuk itu, kepentingan bersama dalam kehidupan harus menjadi perjuangan<sup>27</sup>. Dalam kata lain menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran adalah penting dalam kehidupan bersama di negara ini.

## **FAKTOR-FAKTOR PENGEKALAN PERPADUAN**

Mencapai perpaduan merupakan perkara yang menjadi tanggungjawab semua kaum di Malaysia. Meneruskan kelangsungannya juga memerlukan penglibatan semua pihak. Banyak faktor yang mempengaruhi pengekalan perpaduan di negara ini, antaranya ialah:

- Peranan pemerintah
- Peranan masyarakat
- Peranan individu

### ***Peranan Pemerintah***

Pihak kerajaan atau pemerintah seharusnya menggubal sesuatu dasar terlebih dahulu sebelum sesuatu tindakan hendak dilaksanakan. Ini bagi membolehkan satu tindakan bersepada dapat dijalankan bagi menjayakan hasrat dan mencapai matlamat dasar tersebut. Dalam konteks perbincangan ini, sememangnya peranan kerajaan dalam memupuk perpaduan di kalangan rakyat amat jelas. Secara ringkasnya peranan kerajaan dilihat dalam:

- Integrasi wilayah
- Politik-ekonomi
- Sosio-budaya.

## **Integrasi Wilayah**

Sejarah silam telah menyaksikan perhubungan yang erat antara kawasan di alam Melayu. KMM sebagai pelopor tamadun Melayu-Islam telah mengadakan hubungan yang luas dengan kerajaan Melayu lain di Pulau Kalimantan, selatan Filipina (kepulauan Sulu) dan kepulauan Sulawesi. Kemudiannya Kerajaan Melayu Pahang mengadakan hubungan kekerabatan dengan Kerajaan Melayu Brunei. Sejarah silam ini di kembangkan semula oleh pembentukan sebuah negara yang bernama Malaysia. Namun, disebabkan oleh kesan yang telah ditinggalkan oleh penjajah di dua buah petempatan di Kalimantan iaitu Sabah dan Sarawak menyebabkan kedua-duanya seolah-olah terpisah jauh dengan induk Malaysia iaitu Tanah Melayu. Hakikat ini cuba dihakis dan diberi gambaran bahawa mereka di Sabah dan Sarawak hanya terpisah oleh Laut China Selatan yang dilihat dalam konteks geografinya sahaja. Dari segi persaudaraan dan keserumpunannya tidak boleh dinafikan bahawa semangat rumpun Melayu tetap mengalir dalam darah mereka meskipun sesetengah daripada mereka telah menerima pengaruh dan budaya penjajah. Inilah yang sedang diusahakan oleh kerajaan melalui integrasi wilayah. Konsep serumpun ditekankan bagi memperdekatkan kembali persaudaraan yang hampir terputus<sup>28</sup>.

Antara tindakan yang dilakukan ialah menghantar ramai guru dari Semenanjung untuk mendidik anak bangsa di sana. Mana-mana pelajar yang berpotensi dan pintar dihantar ke Semenanjung untuk belajar dan melihat sendiri kehidupan saudara mara dan kaum keluarga mereka. Mereka akan menjadi “utusan” apabila kembali ketika bercuti sekolah atau cuti penggal IPT. Mereka menjadi saksi dan dapat memberi gambaran apa yang ada di Sabah dan Sarawak dari aspek politik-geografinya tidaklah berbeza dengan di Semenanjung dan begitulah sebaliknya. Hari ini generasi tersebut telah membentuk keturunan di sana dan keakraban antara wilayah sudah semakin terserlah. Apabila sudah ada kesefahaman antara penduduk yang akan berhubung sesama sendiri, perpaduan akan menjadi kenyataan. Tidak timbul lagi suasana terpencil atau terpisah sebagaimana pada zaman awal pembentukan Malaysia. Sebenarnya banyak perkara telah dilakukan oleh kerajaan yang boleh diperbincangkan bersama kemudian<sup>29</sup>.

## **Pendekatan Politik-Ekonomi**

Pendekatan ini adalah paling asas dan penting dalam mengekalkan perpaduan. Kurangnya “politiking” dan meningkatnya taraf kehidupan kerana perubahan dalam ekonomi membuatkan rakyat tidak banyak menghadapi masalah. Sebagai sebuah negara pengamal demokrasi, kerajaan telah mengurangkan percaturan politik dengan membentuk penyatuan parti-parti politik. Bermula dengan pembentukan PERIKATAN, bersambung kepada BARISAN NASIONAL. Pada pilihanraya tahun 1990 parti pembangkang pula telah menujuhkan Angkatan Perpaduan Ummah dan pada pilihanraya tahun 1999 menujuhkan pula Barisan Alternatif. Ini merupakan petanda-petanda

kematangan politik apabila parti-parti yang mewakili kelompok, kaum atau ideologi dapat bersatu dalam satu barisan demi perjuangan yang sama.

Tidak ketinggalan dalam konteks ekonomi, kerajaan turut berusaha secara berterusan untuk memaju dan memantapkan ekonomi negara. Dari sebuah negara yang bergantung kepada hasil pertanian, sumber bumi dan lautnya, Malaysia telah mempelbagaikan sumber pendapatannya. Negara juga telah memperkembangkan cara pemprosesan hasil pertanian, bahan galian dan perikanan tersebut sama ada untuk tujuan kegunaan sendiri atau ekspot. Industri berat juga telah diceburi bagi memperbanyakkan perusahaan yang selama ini bergantung kepada industri kecil dan sederhana (IKS) sahaja. Bagi IKS, usaha-usaha untuk mempertingkatkan produktiviti telah dijalankan dengan menggunakan teknologi baru. Langkah-langkah ini diambil untuk memperbanyakkan peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf ekonomi serta kehidupan rakyat.

Pengekalan perpaduan di kalangan penduduk yang pelbagai pula dilakukan dengan membuat petempatan baru. Pelbagai jenis dan kategori rumah kediaman dibina bagi petempatan baru ini mengikut kemampuan para pembeli. Hal yang sama juga dari segi pembahagian kuota mengikut kaum. Dengan yang demikian, sesebuah petempatan itu akan didiami oleh pelbagai lapisan masyarakat dan kaum. Pengenalan kaum mengikut petempatan seperti yang pernah wujud di Kuala Lumpur sehingga zaman awal kemerdekaan misalnya Kampung Baru dan Kampung Pandan bagi petempatan Melayu bercorak kampung, Brickfield dan Sentul bagi petempatan India bercorak rumah panjang kakitangan kerajaan serta Jinjang-Kepong dan Salak Selatan bagi petempatan Cina bercorak Perkampungan Baru juga semakin lenyap dengan terlaksananya pola petempatan baru ini<sup>30</sup>.

## **Pendekatan Sosio-Budaya**

Meskipun pendekatan politik-ekonomi menjadi asas perpaduan, pendekatan sosio-budaya turut menjadi pemangkin kepada kejayaan dalam mengekalkan perpaduan. Walaupun penduduk yang tinggal di sesebuah petempatan masih terpisah kerana politik atau ekonominya, namun mereka tidak akan terpisah dalam konteks sosio-budayanya. Misalnya, semua orang Melayu akan ke masjid apabila bersebahyang Jumaat atau akan sama-sama berpuasa pada bulan Ramadan. Begitu juga dengan orang Cina akan sama-sama menyambut Tahun Baru Cina atau Chap Goh Mei bila sampai tarikhnya. Demikian juga dengan kaum lain. Jadi, dalam sebuah petempatan penduduk yang pelbagai dan mempunyai pendirian yang tersendiri akan dapat disatukan melalui aktiviti yang sama di petempatan mereka. Antara yang diusahakan oleh Kerajaan Malaysia ialah Skim Rukun Tetangga yang dikawal selia oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Bagi penduduk sendiri mereka mengadakan Jawatankuasa Perpaduan Penduduk Setempat. Jika di kawasan petempatan besar yang mempunyai sekolah akan ada pula PIBG dan Persatuan Murid Tua.

Pelbagai aktiviti dapat dijalankan oleh badan atau pertubuhan setempat itu yang sudah pasti bertujuan untuk meningkatkan lagi perpaduan dan silaturrahim penduduk. Ini

adalah di antara contoh yang dipaparkan bagi mengikat perpaduan setempat. Sedangkan contoh lain telah banyak diperbincangkan pada permulaan tulisan ini dan boleh diperbincangkan lagi kemudiannya.

### ***Peranan Masyarakat***

Peranan masyarakat telah pun sedikit sebanyak disentuh dalam pembincangan terdahulu. Pun begitu, soal ini bakal diperhalusi lagi memandangkan masyarakat adalah tunggak kepada negara. Teguh masyarakat kuatlah negara. Masyarakat akan menjadi penentu kepada pembentukan sesebuah kerajaan. Masyarakat yang baik dan prihatin akan menjadikan sesebuah kerajaan itu sentiasa unggul dan dapat menjalankan pemerintahan dengan baik.

Bagi membentuk sebuah masyarakat yang baik, seharusnya mereka mempunyai sifat dan semangat patriotik atau semangat nasionalisme yang tinggi. Semangat cintakan negara akan mempastikan negara dapat ditadbir dengan baik. Sebahagian daripada masyarakat ialah pentadbir kepada negara. Di bahu mereka lah terpikulnya amanah pemerintah untuk menjalankan tugas kenegaraan dan pemerintahan. Sesebuah kerajaan tidak dapat berfungsi dengan baik lagi sempurna, jika penjawat awam yang terdiri daripada sebahagian masyarakat tidak melaksanakan tanggungjawab dengan amanah, jujur dan berkesan. Mereka lah penggerak dan pelaksana kerja-kerja kemasyarakatan atau dalam erti kata yang lebih mudah mereka sebagai alat yang memudahkan kerja.

Paparan daripada media massa juga telah membuktikan bahawa masyarakat yang berpadu dapat mengharmoniskan penduduk setempat. Mereka mampu mencegah kecurian sebelum polis tiba malah mereka dapat menghalang masalah sosial lain sebelum pihak berwajib mengambil tindakan. Bahkan mereka mampu menangkap ular sawa sebelum pihak Bomba dan Penyelamat sampai. Ada yang mengembirakan lagi mereka mampu membentuk sendiri Pasukan Bomba Sukarela dan lain-lain pertubuhan untuk kepentingan mereka bersama dan dalam masa yang sama untuk mengeratkan lagi perpaduan.

Kesedaran lain yang dikirakan utama di kalangan masyarakat ialah semangat kejiraninan. Ini adalah asasnya. Jiran amat penting dalam keharmornian sesebuah petempatan. Bermula dengan sikap menghormati jiran, berkembanglah kepada penghormatan setempat. Jiran yang baik akan membawa kebahagiaan dalam suasana masyarakat setempat. Semangat kejiraninan juga akan dapat membentuk generasi akan datang ke arah yang lebih baik dan sempurna. Anak-anak kecil belajar daripada perwatakan ibu-bapa mereka. Dengan melihat suasana harmonis dalam kehidupan berjiran, anak-anak akan dapat membesar dalam suasana yang ceria dan terjamin. Apabila adanya rasa sayang dan hormatkan keluarga serta jiran, dengan sendirinya sayangkan

masyarakat dan negara akan terbentuk. Sifat-sifat baik ini dapat diteruskan apabila peranan guru yang telah diperkatakan sebelum ini terserlah dan memberangsangkan<sup>31</sup>.

### ***Peranan Individu***

Individu dalam perbincangan ini boleh jadi orang perseorangan mahupun pemimpin. Jika beliau seorang individu, peranan yang harus dimainkannya dalam menjayakan perpaduan ialah melengkapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan. Ilmu yang baik ialah ilmu yang diamalkannya dan dapat disebarluaskan bagi kebaikan orang ramai. Dengan ilmu, beliau dapat bertindak secara rasional. Ilmu juga mendorongnya memahami orang lain. Persefahaman akan mempercepatkan proses perpaduan.

Sebagai pemimpin pula seseorang itu wajib tahu tanggungjawab dan mempunyai sifat-sifat sebagai pemimpin sejati. Apabila sudah ada ciri-ciri dan kriteria sebagai seorang pemimpin, maka beliau dapat mengenali dirinya sendiri dan dapat memahami orang yang dipimpinnya. Ini membolehkan beliau menjalankan tanggungjawab seorang pemimpin dengan jujur, bersih dan cekap dan amanah. Tidak timbulah kelompok atau puak dalam kepemimpinannya yang boleh memperteguhkan kedudukannya sahaja sedangkan orang yang dipimpinnya berada dalam keadaan berbalah dan kucar-kacir.

Daripada gambaran di atas, peranan individu dalam kehidupan menjadi asas kepada peranan masyarakatnya. Individu yang baik tidak akan melakukan perkara-perkara yang tidak baik dan tidak pula membuat fitnah. Masyarakatnya akan terhindar daripada perkara yang buruk dan perkara yang tidak baik dapat dielakkan daripada tersebar. Apabila semua ini tidak wujud dalam diri seseorang individu, maka perpaduan yang dihajatkan akan mudah dicapai. Walau bagaimanapun, semua ini hanyalah indah di atas kertas sahaja. Sedangkan pada amalannya tidak semudah itu. Ini kerana ramai di kalangan individu atau masyarakat tidak berupaya mengenali dirinya dan mudah pula menuding jari. Ramai juga yang tidak berpegang kepada janji Allah yang antara lain bermaksud: *setiap kamu ini adalah pemimpin dan kamu bertanggungjawab terhadap kepemimpinan kamu*<sup>32</sup>.

Dalam pengertian yang lebih luas, setiap manusia akan ditanya kembali apa yang telah di perlakukan. Setidak-tidaknya pada diri kita sendiri. Ini menepati apa yang dikatakan oleh pepatah barat yang berbunyi: *kita tuai apa yang kita tanami*. Jika itulah pendiriannya sama ada mereka itu Islam ataupun bukan, mereka itu Melayu ataupun lain-lainnya telah dibekalkan dengan agama dan nilai-nilai murni yang akan menjadi panduan dalam kehidupannya. Terpulanglah kepada mereka dan masyarakatnya untuk membuat pilihan. Melalui kehidupan bermasyarakat di dalam dunia hari, daripada hampir lima bilion penduduk dunia, tidak ramai yang hidup mereka dalam suasana berkrisis. Jika wujud sekalipun, tidak ada yang tidak dapat diselesaikan kecuali krisis Arab-Israel di

Palestin. Ini kerana pelaku utama kepada krisis itu tidak mahu menyelesaikannya secara bersungguh-sungguh. Oleh yang demikian Malaysia ini bukannya Arab-Yahudi di Palestin. Jika berlaku permasalahan, tidak mungkin tidak ada jalan penyelesaiannya. Seharusnya dalam melayari kehidupan ini setiap individu perlu mencontohi perkara kebaikan. Pendirian yang sedemikian rupa, akan menjadikan masyarakat Malaysia hidup dalam keadaan harmonis dan mudahlah terbentuknya sebuah negara bangsa.

## KESIMPULAN

Perbincangan di atas hanyalah sebagai satu gambaran ringkas apa yang seharusnya dilakukan dan berlaku di kalangan masyarakat Malaysia yang dilabelkan sebagai komuniti pasca modenisme demi membentuk perpaduan. Perbincangan ini juga mendedahkan untuk mencari titik persamaan dalam kepelbagaiannya bagi melahirkan sebuah bangsa Malaysia kelihatannya mudah tetapi sukar untuk dilaksana. Walau bagaimanapun kita tidak pesimis untuk berusaha bagi menjayakannya. Jika inilah sifat yang telah ada maka *tidak ada yang mustahil dalam kehidupan selagi kita mahu menjadinya kenyataan*. Bukanlah sukar untuk bersatu padu jika itu yang dikehendaki dan mahu diusahakan. Berpadulah warga Malaysia demi keutuhan sebuah negara bangsa.<sup>33</sup>

## NOTA HUJUNG

<sup>1</sup> Kenegaraan Malaysia dijadikan kursus teras Universiti. Kursus yang membawa 3 jam kredit ini mewajibkan pelajar lulus sebagai syarat layak untuk penganugerahan ijazah. Lihat Buku Panduan Akademik 2004/2005 Universiti Utara Malaysia, hal. 30

<sup>2</sup> Suku-suku utama bagi masyarakat Cina ialah Kantonis, Hakka, Teochew, Hokkien, Hailam, Kongfu, Konghu, Khek dan sebagainya. Manakala masyarakat India pula ialah Tamil, Malayalam, Telugu, Punjabi, Sinhates dan lain-lain.

<sup>3</sup> Pascamodenisme ialah aliran terbaru dalam wacana teori sosial yang muncul sejak dasarwarsa 1960 an dan merebak dengan semakin meluas pada hari ini. Lihat Abdul Rahman Embong, *Negara –Bangsa Proses dan Perbaasan*, 2000, Bangi: Penerbit Universiti Kebansaan Malaysia, hal. 103

<sup>4</sup> Ringkasan daripada *Manual Pengajaran dan Pembelajaran Kenegaraan Malaysia*, 2002, Sintok:Unit Kenegaraan Malaysia, Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia

<sup>5</sup> Ibid.,hal.12-19.

<sup>6</sup> Ibid., hal. 109.

<sup>7</sup> Bahan bacaan terkini yang agak komprehensif tentang sejarah Malaysia bagi kegunaan pelajar, lihat Roslan Zainuddin, 2003, *Sejarah Malaysia*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

<sup>8</sup> Dasar ini telah memisahkan penduduk-penduduk di Tanah Melayu mengikut pembahagian petempatan dan kegiatan ekonomi. Lihat antara lain penulisan S.Husin Ali, 1984, "Social Relations: The Ethnic and class Factors" dalam Syed Husin Ali (Editor), *Ethnicity, Class and Development Malaysia*, Kuala Lumpur:Persatuan Sains Sosial Malaysia, hal.13-31

<sup>9</sup> Lihat kata pengantar "Kesatuan dan Perpaduan Dunia Melayu-Dunia Islam", diselenggarakan oleh Abdul Latif Abu Bakar, 2001, Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, hal.23-27.

<sup>10</sup> Kamus Dewan, Edisi Baru, 1989, Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, hal.886

<sup>11</sup> Lihat keterangan lanjut dalam Mohamad Idris Saleh dan rakan-rakan 1994, *Sejarah Pembangunan Bangsa dan Negara*, Kuala Lumpur:Utusan Publication &Distributors Sdn. Bhd., hal.128-129

<sup>12</sup> Keempat-empat perkara ini dgubah dengan membuat penyusaian daripada apa yang dibincangkan oleh Al-Farabi tentang Teori Kemasyarakatan dan Kenegaraan. Lihat Idris Zakaria, 1986, *Teori Kenegaraan Al-Farabi*, Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hal.77-108

<sup>13</sup> Hak kerakyatan kepada orang-orang bukan Melayu telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang ditandatangani sejak 21 Januari 1948 lagi. Keterangan lanjut lihat *Malaysia Kita*, 1991, Kuala Lumpur:Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), hal.486-488

<sup>14</sup> Sebelum penutup abad ke 20, masyarakat Melayu dan Cina di Malaysia telah dipertemukan dalam satu majlis hari kebesaran masing-masing yang hanya berselang sehari. Sambutan Hari Raya Puasa dan Tahun Baru Cina telah disambut pada hari yang sama sebagai tanda sanjungan terhadap hari perayaan tersebut.

<sup>15</sup> Contoh terbaru tentang persoalan ketidaksefahaman ini ialah seperti kes Buletin Majlis Peguam menyiarkan rencana yang menghina agama Islam. Lihat muka depan akhbar Berita Harian, 5 Ogos 2004.

<sup>16</sup> Inilah secebis berita daripada apa yang telah dibuktikan dalam peristiwa ngeri kebakaran yang melibatkan 22 buah rumah kedai sederet di Pekan Selekok, Bagan Datoh, Perak baru-baru ini. Semua penghuni di rumah kedai tersebut telah dibantu oleh pemuda-pemuda Melayu yang melihat kejadian tersebut. Lihat laporan akhbar perdana pada 3 Ogos 2004.

---

<sup>17</sup> Maksud ayat daripada Surah Al-Hujurat, ayat 13.

<sup>18</sup> Contoh sebenar daripada gambaran di atas ialah tersebarnya berita “Huru –hara di Kuala Lumpur” setelah tersebarnya berita tersebut dalam internet beberapa tahun lalu. Kecekapan pihak berkuasa telah berjaya menyelamatkan keadaan dan memberkas penyebar maklumat palsu tersebut.

<sup>19</sup> Batu api bermaksud orang yang suka menghasut atau mengadu domba. Lihat Asiah Abdul Rahman, 2003, *Perbahasan Sekolah Menengah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal.19

<sup>20</sup> Ini ialah maksud surah Al-Baqarah, ayat 256. Sama ada Islam itu dominan atau minoriti, apabila seseorang itu telah mengaku menerima Islam(Addin) sebagai cara hidupnya ia tidak tertakluk lagi kepada *tiada paksaan dalam Islam*. Mereka bertanggungjawab untuk melaksanakan perintah Allah dan meninggalkan segala laranganNya /Amar karuf Nahi Munkar).

<sup>21</sup> Sebab itulah orang Islam diperingatkan oleh Allah dalam surah \_\_\_\_\_, ayat \_\_\_\_\_ yang antara lain bermaksud “melarang orang Islam mencemuh agama orang bukan Islam agar mereka tidak mencemuh Allah Subhanahuataala dan agama Islam”

<sup>22</sup> Al-Farabi melihat manusia pada umumnya mempunyai minat dan kepandaian berlainan, perlu bersatu untuk sama-sama berusaha mencari kesempurnaan hidup.\_\_\_\_\_ manusia mempunyai kebolehan dan minat berbeza dan mereka dan mereka tidak boleh mengelak daripada hidup bersama dalam masyarakat. Lihat Idris Zakaria, op.cit., hal.81

<sup>23</sup> Inilah yang kita lihat semakin kes dibawa ke mahkamah apabila ibu bapa menyerang guru di kawasan sekolah akibat aduan anak-anak sedangkan guru-guru membetulkan tingkah laku murid mereka. Sebahagian ibu bapa hari ini tidak lagi seperti ibu bapa zaman sebelum merdeka atau awal tahun 60-an yang menyerahkan anak-anak mereka kepada pihak sekolah beserta “pulut kuning dan rotan” agar anak-anak itu diberi tunjuk ajar.

<sup>24</sup> Amalan-amalan tradisi ini semakin terhakis dalam masyarakat Melayu. Demikian juga halnya dengan masyarakat lain di Malaysia. Lihat tulisan Mejari (B) Mior Ahmad Noor Mior Hamzah, 2002, “Nilai Kehidupan Tradisi Orang Melayu: Satu Catatan Ringkas”, dalam Rohani Abd Ghani &Zulhilmi Paidi (editor), *Kenegaraan Malaysia, Isu-isu dan Perkembangan*, Bentong, Pahang: PTS Publication &Distributors Sdn. Bhd. Hal.121-139

<sup>25</sup> Lihat kenyataan yang berbunyi “Malahan, kerajaan berkewajipan menjalankan segala tugas dan tanggungjawab secara terbuka supaya diketahui, difahami dan akhirnya mendapat sokongan penuh rakyat. Tindakan begini juga menunjukkan bahawa kerajaan menitikberatkan kebajikan rakyat dan bukannya membelakangkan mereka”, Asnarulkhadi Abu Samah dan Jayum A.Jawan (Editor), *Kenegaraan Malaysia*, 1997, Serdang: Penerbit Universiti Putera Malaysia, hal. 93.

<sup>26</sup> Kenyataan ini dipetik berdasarkan peristiwa yang melanda Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan sebahagian negeri Selangor yang terlibat dalam krisis air dua tahun lalu. Ketika penduduk setempat berebut-rebut untuk mendapat air. Pada masa yang sama tersebar berita yang menggambarkan ada menteri sedang mandi di kolam renang dalam kawasan rumahnya.

<sup>27</sup> Semua kaum harus mempunyai perasaan sebangsa dengan nama kolektif (bangsa Malaysia) yang sama serta berkongsi wilayah, ekonomi ,budaya dan nasib masa depan bersama dengan rupa bangsa yang sepunya. Op.cit., Abdul Rahman Embong, hal.30.

<sup>28</sup> Hubungan antara Semenanjung dengan Kalimantan terutamanya Brunei telah terjelma sejak awal abad ke 15 lagi. Lihat Pg.Dr.Haji Mohammad Bin Pg.Haji Abd Rahman, 2001, “Hubungan Brunei-Melaka dalam Abad ke 15 Masihi: Jalinan Sillatur-rahim”, dalam Abdul Latif Abu Bakar (Penyelenggara) op.cit., hal.263-280.

---

<sup>29</sup> Penulis (1) sendiri berpengalaman berkhidmat dan tinggal di Sabah pada awal tahun 1980 an dan akhir tahun 1990 an dalam dua perkhidmatan. Pegawai tentera dan kakitangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah menjelajah seluruh pelusuk negeri Sabah kecuali di Daerah Sipitang.

<sup>30</sup> Fenomena ini kian terhapus apabila kerajaan mensyaratkan bahawa setiap kawasan perumahan mestilah menyediakan kuota sebanyak 30% untuk penduduk Melayu dan Bumiputera, mesti mempunyai kawasan tempat ibadat, padang permainan dan Dewan Orang Ramai. Beberapa kawasan perumahan dimestikan menyediakan tapak untuk sekolah rendah dan menengah.

<sup>31</sup> Inilah yang digambarkan oleh Al-Farabi "...rakyat yang bersifat tolong-menolong untuk mencapai kebahagiaan pada hakikatnya adalah Negara terbaik...dalam masyarakat yang sihat, kerjasama adalah suatu perkara yang paling asas", Idris Zakaria, op.cit., hal.85-86.

<sup>32</sup> Hadis Sohih Riwayat Muslim.

<sup>33</sup> Memetik kata-kata YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia dalam kes "Buletin Majlis Peguam": Kita nak jalankan ibadat kita, orang Melayu, orang Islam...didahului sembahyang dengan azan. Kita hormati mereka (bukan Islam) apabila ketuk gendang, loceng dan sebagainya. Mereka juga perlu hormati apabila azan berkumandang. Berita Harian, 5 Ogos 2004.